

21/05/2004

Dr M tuduh AS pencetus keganasan

MELBOURNE: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menuduh Amerika Syarikat (AS) sebagai pihak yang mencetuskan keganasan.

"Anda tahu, dengan perlakuan mereka, layanan mereka terhadap tahanan (Iraq) dan semuanya, merekalah yang mencetuskan keganasan," katanya pada program ehwal semasa Dateline televisyen Special Broadcasting Services (SBS).

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pengacara SBS Mark Davis sama ada Dr Mahathir bersetuju bahawa beliau menggunakan bahasa yang mengapi-apikan yang boleh menyebabkan pembunuhan dan keganasan.

Dr Mahathir tidak bersetuju bahawa beliau mempromosikan keganasan.

"Amerika berasakan mereka terlalu berkuasa sehingga boleh sewenang-wenangnya menindas setiap orang... patutkah kita menderita kerana kita tiada kekuatan tentera yang dimiliki Amerika?"

"Kita sangat kecewa dengan apa yang Amerika lakukan yang meningkatkan keganasan," katanya.

Dr Mahathir juga menuduh Australia yang langsung "tidak bersuara menentang Israel".

"Pada asasnya, anda (Australia) menyokong keganasan negara, dan bagi saya, pengeboman dan melepaskan roket terhadap orang yang tidak berdosa adalah keganasan. Jadi jika anda menyokong perkara seperti itu, anda juga adalah sebuah negara penganas. Anda perlu mengutuknya."

Dr Mahathir juga melepaskan kemarahannya terhadap Perdana Menteri John Howard.

"Beliau adalah penyokong paling kuat terhadap apa yang dilakukan Presiden (AS) (George W) Bush dan beliau (Howard) tidak langsung menghiraukan pendapat penduduk di rantau ini."

Dr Mahathir berkata, beliau mahu `berbaik-baik' dengan Australia.

"Saya tidak menentang penduduk Australia, saya dapati kenyataan dan laporan mengenai Malaysia tidak menyenangkan," katanya.

Beliau berkata, selepas bekas Perdana Menteri Paul Keating menggelarnya "keras kepala", beliau "mesra" dengan Keating.

Dr Mahathir berkata, beliau menyangka boleh serasi dengan Howard.

"Namun Howard memutuskan untuk bersikap kritikal terhadap Malaysia dan mempunyai idea bahawa beliau wajar menjadi timbalan sherif untuk memantau tindakan kita.

(END)